

Ilmuwan kita tak megah dengan bahasa Melayu

Ilmuwan negara kita didapati tidak gemar menulis dalam bahasa Melayu, walaupun ia bahasa negara ini. Satu kajian pada 2014 mendapati hanya 14 peratus daripada penerbitan mereka ditulis di dalam bahasa Melayu. Angka kecil ini bukan sahaja menyedihkan, ia juga amat membimbangkan dalam konteks perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Sekitar 90 peratus ilmuwan kita terdiri daripada ahli akademik Me-

layu. Mereka ini seharusnya tidak pun mempunyai masalah untuk menulis dalam bahasa sendiri sebab bahasa Melayu adalah bahasa ilmu ketika mereka dipandaikan di sekolah dan diijazahkan oleh universiti tempatan, sekurang-kurangnya untuk yang pertama.

Mereka boleh, tetapi memilih untuk menulis dalam bahasa Inggeris. Ini ketara sekali dalam penulisan makalah jurnal yang memperlihatkan hanya lapan peratus yang dihasilkan dalam bahasa Melayu. Walaupun dalam bahasa Inggeris untuk penerbitan tempatan sahaja, sesetengah makalah itu didapati menggunakan bahasa Inggeris yang sederhana sekali.

Perkara 17 Akta Pendidikan 1996 dengan jelasnya menyebut bahawa bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan dari peringkat persekolahan sehinggalah ke tahap pendidikan tinggi. Meskipun pendidikan tinggi global kini memerlukan penggunaan bahasa Inggeris yang lebih daripada masa dahulu, khususnya dalam hal penerbitan, satu perimbangan bijak perlu ada dalam kalangan ilmuwan Melayu untuk memastikan bahasa Melayu yang sudah terbina itu tidak dikesampingkan secara wewenang dengan digantikan bahasa Inggeris.

Bahasa saintifik moden

Dari segi linguistik, bahasa Melayu kini bertaraf bahasa saintifik moden. Ini bererti ia mampu mengungkapkan segala macam hal, baik yang konkrit mahupun abstrak dalam semua bidang ilmu, termasuk yang terkini dan rumit pula. Sehubungan ini, ia yang mula dibangunkan dari sebuah vernakular Melayu sahaja ketika kita merdeka oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga institusi pendidikan tinggi di negara ini, senantiasa bersedia menerokai bidang ilmu baharu.

Untuk melihat bahasa Melayu berjaya sebagai bahasa ilmu tinggi, baik dari segi kualiti dan kuantiti penggunaannya dalam sektor pendidikan tinggi, beberapa usaha telah diadakan. Antaranya Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu di Sektor Pendidikan Tinggi, fasa 2011-2015 dan 2016-

2020 yang diusahakan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Selain meletakkan bahasa Melayu di tempat sewajarnya selari dengan martabatnya sebagai bahasa negara, sebagai wahana utama dalam semua kegiatan akademik di negara ini, Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu (ATABM) diberikan setiap tahun sejak 2012 kepada seorang ahli akademik yang layak, sama ada dari universiti awam, institusi pengajian tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti di seluruh negara.

Beliau perlu memperlihatkan komitmen tinggi dalam mengguna, membangun dan memartabatkan bahasa Melayu dalam kerjayanya, ketika mengajar, menyelidik, menulis dan lain-lain. Ini dinilai dari segi kesungguhan dan tanggungjawabnya untuk bukan sahaja meletakkan bahasa Melayu di tempat yang khalis, sesuai dengan martabatnya itu, ia ikut diperhati dari segi kegigihannya menjadikan bahasa Melayu dinamik dalam dunia akademik yang diceburinya, misalnya dalam bidang fizik, lebih-lebih lagi apabila dibicarakan di dalam negara.

Apabila ATABM ini dimenangi calon yang tidak pun menekuni bidang bahasa Melayu, sama ada linguistik, sastera mahu budayanya, ia bukan sahaja memberi nilai mulia kepada bahasa Melayu, ia juga sebenarnya membuktikan bahasa Melayu sememangnya mampu berbicara sebarang hal, termasuk tajuk berat dalam bidang sains dan teknologi, dan bukannya hal remeh seperti yang difikirkan banyak pihak, termasuk ramai cendekiawan Melayu sendiri.

Dalam era pendidikan yang mementingkan penggunaan bahasa Inggeris, ahli akademik tidak boleh sesekali mudah melatah untuk menggantikan bahasa Melayu dengannya untuk tujuan pengajaran, penyelidikan dan penulisan. Ia hendaklah terus digunakan sebagai bahasa penghantar utama kita, yang hanya boleh diselangi bahasa Inggeris apabila keperluan betul-betul wujud, seperti semasa mahu bergabung dengan sarjana dari luar Malaysia.

Merugikan sekali selain langsung tidak megah dengan warisan budaya Melayu kalau bahasa Melayu dipinggirkan sehingga ia bagaikan melukut di tepi gantang di tanah watannya sendiri. Lebih malang lagi apabila ahli akademik Melayu sendiri yang melakukannya kerana tindakan begini sesungguhnya menafikan seluruh sejarah bangsa Melayu.



Penulis

ialah Profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia dan EXCO Majlis Profesor Negara



DUL MUEIN
ADI



TEO KOK
SEONG